

PENGUMUMAN TRAFIK: PROJEK PENANG LRT – LALUAN MUTIARA (PML)
06/08/2026

**PENUTUPAN SUSUR JALAN DI ANTARA PERSIMPANGAN JALAN SUNGAI DUA DAN JALAN SULTAN
AZLAN SHAH**

Tarikh	08 Ogos 2026 - 16 September 2026
Masa	10.00 pm – 5.00 am
Tempoh	39 hari
Tujuan	KERJA-KERJA PENGALIHAN UTILITI

Untuk makluman, penutupan susur jalan waktu malam jangka panjang di persimpangan jalan Sungai Dua dan Jalan Sultan Azlan Shah (Sunny Point) akan dilaksanakan dari 8 Ogos 2026 hingga 16 September 2026. Tempoh penutupan adalah di antara jam 10:00 malam hingga 5:00 pagi, selama 39 hari.

Pelan pengurusan trafik adalah seperti berikut:


Penutupan ini akan melibatkan laluan susur keluar dari Jalan Sungai Dua ke Jalan Sultan Azlan Shah, berhampiran Universiti Sains Malaysia (USM). Sebagai alternatif, pengguna jalan raya boleh menggunakan lorong paling kiri selepas laluan susur keluar untuk menghala ke KOMTAR (sila rujuk pada anak panah hijau di dalam peta yang dilampirkan). Manakala lorong lain akan kekal dibuka untuk laluan trafik.

Penutupan ini diperlukan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja awalan bagi Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang: Laluan Mutiara - Pakej CMC1 yang melibatkan kerja-kerja pengalihan utiliti.

Pengguna jalan raya dinasihatkan untuk berhati-hati ketika melalui kawasan ini. Papan tanda, kon-kon trafik dan pengawal bendera akan ditempatkan di lokasi berkenaan untuk membantu melancarkan kawalan trafik dan keselamatan pengguna kenderaan di laluan tersebut.

Kami memohon maaf di atas sebarang kesulitan. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi MRT Careline 1-800-88-6782 atau emel kepada feedback_pml@mymrt.com.my

PETA: PENUTUPAN SUSUR JALAN DI ANTARA PERSIMPANGAN JALAN SUNGAI DUA DAN JALAN SULTAN AZLAN SHAH



ROAD CLOSURES AT THE SLIP ROAD OF INTERSECTION BETWEEN JALAN SUNGAI DUA AND JALAN SULTAN AZLAN SHAH

Date	8 August 2026 - 16 September 2026
Time	10.00 pm – 5.00 am
Duration	39 days
Reason	UTILITY RELOCATION WORKS

Please be informed that long-term night slip road closure at the intersection of Jalan Sungai Dua and Jalan Sultan Azlan Shah (Sunny Point) will be implemented from 8 August to 16 September 2026. The closure will be implemented from 10:00 PM to 5:00 PM, over a period of 39 days.

The traffic management plan is as follows:

This closure will involve the exit slip road from Jalan Sungai Dua to Jalan Sultan Azlan Shah, near Universiti Sains Malaysia (USM). Alternatively, road users may use the leftmost lane after the exit slip road to continue towards KOMTAR (please refer to the green arrow shown in the attached map). However, the other lanes will remain open to traffic.

This closure is necessary to facilitate preliminary works for the Penang Light Rail Transit (LRT) Project: Mutiara Line – CMC1 Package, which includes utility relocation works.

Motorists are advised to follow directional signage. During the closure period, the PML Project Emergency Response Team will be onsite to assist with traffic management. Safety barriers, traffic cones and flagmen will also be deployed to ensure the safety of all road users. For further information, please refer to the map below.

We apologise for any inconvenience caused and thank you for your cooperation.

For enquiries, please contact MRT Careline at 1-800-88-6782 or email feedback_pml@mymrt.com.my

**MAP: ROAD CLOSURES AT THE SLIP ROAD OF INTERSECTION BETWEEN JALAN SUNGAI DUA
AND JALAN SULTAN AZLAN SHAH**

